# PANDUAN PENGGUNA

# SEDAR

Panduan pengguna ini disediakan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai sistem SEDAR (**Sistem E-Daftar & Analisis Ramalan bagi Pengurusan Bantuan OKU**), iaitu sebuah alat berasaskan web dengan teknologi AI yang direka untuk menyokong penilaian kelayakan bantuan dan anggaran jumlah bantuan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.

# NAMA SYSTEM

**Sistem E-Daftar & Analisis Ramalan bagi Pengurusan Bantuan OKU (SEDAR)**

Sistem yang dibangunkan dalam kajian ini dinamakan **Sistem E-Daftar & Analisis Ramalan bagi Pengurusan Bantuan OKU (SEDAR)**. Akronim ini dipilih dengan teliti bagi mencerminkan fungsi teknikal sistem serta misi sosialnya, di samping mengekalkan kaitan linguistik dan budaya tempatan. “Sedar” dalam Bahasa Melayu bermaksud **sedar atau peka**, melambangkan tujuan utama sistem ini untuk meningkatkan kesedaran institusi dalam mengenal pasti keperluan serta hak Orang Kurang Upaya (OKU). Kesedaran ini amat penting untuk memastikan OKU tidak ketinggalan serta mendapat akses kepada sumber dan peluang yang sewajarnya.

Nama ini terdiri daripada lima elemen utama:

- **Sistem E-Daftar –** *Merujuk kepada proses digitalisasi pendaftaran dan kemas kini maklumat, menjadikannya lebih mudah dan pantas untuk pemohon dan juga pentadbir.*
- **Analisis Ramalan –** *Menekankan kebolehan sistem menggunakan teknologi moden, khususnya analitik data dan kecerdasan buatan (AI/ML), untuk meramal kelayakan bantuan, menganalisis corak permohonan serta mengenal pasti keperluan masa hadapan.*
- **Pengurusan Bantuan OKU –** *Menyorot tujuan utama sistem iaitu menyokong agensi kerajaan serta komuniti dalam mengagihkan bantuan secara adil, telus dan berkesan..*

Dengan menggabungkan dimensi ini ke dalam akronim **SEDAR**, sistem ini bukan sahaja menawarkan alat sokongan keputusan berasaskan ramalan, tetapi juga membawa mesej etika yang kuat: keperluan untuk tadbir urus kebajikan yang sedar, adil, dan inklusif. Nama ini menghubungkan ketepatan teknikal dengan orientasi perkhidmatan awam, menjadikannya sesuai digunakan dalam konteks rasmi kerajaan, akademik, dan penglibatan masyarakat..

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved

# LOGO

Logo **SEDAR** diatas melambangkan misi sistem ini untuk menyokong, menilai, dan memperkasakan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui alat pintar berasaskan data. Reka bentuknya menggabungkan elemen berpusatkan manusia dan motif budaya tempatan bagi menggambarkan kecanggihan teknologi serta nilai belas kasihan.

1. **Motif Pusaran**

   Pusaran melambangkan **kesatuan** dan **keterangkuman**, iaitu kerjasama antara kerajaan, masyarakat, dan OKU dalam memastikan pengurusan bantuan dilaksanakan dengan berkesan serta adil.

   Pergerakan pusaran yang berterusan melambangkan **kemajuan** dan **dinamik**, menandakan bahawa sistem ini sentiasa berkembang, menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi, dan responsif kepada keperluan pengguna.

2. **Warna**

   **Merah Jambu** dipilih untuk mewakili **belas kasihan**, **empati**, dan **kepedulian** – nilai teras dalam pemberian bantuan kepada komuniti OKU. Ia melambangkan semangat kemanusiaan dan kasih sayang yang mendorong penciptaan sistem ini.

   **Oren** pula melambangkan **tenaga**, **optimisme**, dan **harapan** – mengingatkan bahawa dengan pengurusan yang baik dan sokongan teratur, OKU mampu menjalani kehidupan yang lebih baik serta mempunyai peluang sama rata untuk maju.

Gabungan motif pusaran, warna merah jambu, dan oren membawa mesej yang kuat: **SEDAR bukan sekadar sistem teknologi, tetapi simbol kemanusiaan, keterangkuman, dan inovasi untuk masa depan yang lebih cerah**.

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved



Sistem **SEDAR** dibangunkan dengan **reka bentuk responsif**, bermakna laman web akan menyesuaikan susun atur dan paparan mengikut peranti yang digunakan. Sama ada diakses melalui komputer meja, komputer riba, tablet atau telefon pintar, setiap elemen laman web akan dipaparkan dengan kemas dan konsisten. Ini memastikan pengguna menikmati tahap keselesaan dan kebolehgunaan yang sama tanpa mengira saiz skrin.

**Halaman Utama/ Index Page**




Pada halaman utama/index, pengguna boleh memilih untuk masuk sebagai; -

1. **Tetamu(Guest)**
   - Akses terhad kepada sistem SEDAR, hanya boleh mengisi borang ringkas dan mendapat keputusan ramalan yang asas. Hanya butiran demografi asas diperlukan.

2. atau **Pegawai (Admin)**
   - Akses penuh kepada sistem SEDAR, termasuk papan pemuka (dashboard) dan laporan penuh. Boleh mengemas kini, mengubah, atau memadam maklumat OKU serta keputusan ramalan.

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved

# ======= AKSES Awam =======

## Halaman Borang Awam




Pengguna boleh mengisi borang ringkas ③ dan klik butang hantar ④ untuk menentukan keputusan SEDAR mereka. ⑤.

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved

**Keputusan SEDAR Awam**




Halaman ini memaparkan keputusan permohonan bantuan pengguna berdasarkan maklumat yang diberikan menggunakan teknologi AI. Pengguna boleh klik butang kembali pada pelayar atau telefon bimbit untuk mengekalkan butiran borang dan menghantar semula beberapa kali. Atau klik butang tetapkan semula ⑥ untuk memadam butiran borang dan mula semula dari awal.

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved




Klik simbol ⋮ pada keputusan untuk melihat lebih banyak maklumat mengenai setiap bantuan, seperti pada ⑦. Butang "Daftar" akan muncul hanya jika pengguna layak. Butang tersebut akan mengarahkan pengguna ke laman rasmi JKM.

Copyright © 2025 Politeknik Ungku Omar All rights reserved